

09/01/2001

Pembangkang akan keluar kenyataan hasil mesyuarat

KUALA LUMPUR, Isnin - Barisan parti pembangkang akan mengeluarkan kenyataan bersama dalam tempoh sehari dua ini berhubung pendirian terhadap pelawaan Umno untuk berbincang mengenai perpaduan orang Melayu.

Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Dr Chandra Muzaffar, berkata keputusan mesyuarat bulanan parti itu bersama Pas dan DAP malam ini, turut menyentuh soal penyatuan Melayu sebagaimana yang diutarakan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dua wakil dari setiap parti hadir malam ini, dan pendirian kami mengenai penyatuan Melayu akan dikeluarkan dalam sehari dua ini," katanya ketika dihubungi malam ini.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, ketika dihubungi berkata, kenyataan itu mungkin dikeluarkan esok.

"Kita baru saja selesai mengadakan mesyuarat mengenai perkara itu dan masih berbincang untuk mengeluarkan kenyataan," katanya.

(END)